

YSS adakan pameran di Universiti Malaysia Pahang

UTUSAN MALAYSIA 23/3/2016 (DALAM NEGERI) m/s 25

KUANTAN 22 Mac - Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) mengadakan ceramah dan pameran pada Festival Kesukarelaan Siswa yang dianjurkan Perwakilan Kolej Kediaman Lima (Peka 5) Universiti Malaysia Pahang (UMP) Pekan di sini, Ahad lalu.

Dipengerusikan Datuk Zuraidah Atan, YSS kini giat mendidik dan membimbing mahasiswa sebagai sukarelawan untuk mempromosi keamanan dunia serta memupuk semangat setia kawan melalui perkhidmatan komuniti di dalam dan luar negara.

Pada program berkenaan, Alumni YSS, Nurul Fazirah Md. Naser berkongsi pengalamannya menerusi tajuk 'Bicara Kesukarelaan: Peka dan Prihatin'.

Penuntut UMP itu juga berkongsi pengalamannya semasa menyertai Misi YSS ASEAN Green Summer Volunteer Campaign di Vietnam tahun lalu dan impak selepas menyertai misi tersebut kepada warga kampus dan komuniti sekitarnya.

"Peka dan prihatin sebenarnya bermula dari dalam diri kita sendiri kepada mereka yang paling hampir dengan kita. Menyumbang sedikit yang kita ada kepada mereka yang tidak berkemampuan ternyata dapat memberi satu nikmat yang tidak dapat dizahirkan dengan kata-kata," kata Nurul Fazirah.

Beliau berkata, aktiviti kesukarelaan penting dititikberatkan dalam kehidupan setiap insan sama ada kepada mahasiswa atau sesiapa sahaja.

Katanya, YSS sebagai sebuah



SEBAHAGIAN pelajar melihat pameran semasa Festival Kesukarelaan Siswa anjuran Perwakilan Kolej Kediaman 5 (PEKA 5) Universiti Malaysia Pahang di Pekan, baru-baru ini.

organisasi di bawah Kementerian Pendidikan merupakan antara platform terbaik kepada mahasiswa untuk menceburkan diri dalam bidang kesukarelaan yang berimpak tinggi sama ada di dalam dan luar negara.

"Diharap dengan pengisian program menerusi aktiviti sebegini, semakin ramai yang akan turun padang untuk berbakti kepada masyarakat sekitar dan melihat kepentingan kegiatan sukarelawan dalam memastikan keamanan serta

keharmonian masyarakat sejagat," katanya.

Festival Kesukarelaan Siswa merupakan salah satu usaha Peka 5 bagi mempromosikan budaya kesukarelaan dalam kalangan mahasiswa.

Program itu juga bertujuan memberi pendedahan serta pengetahuan kepada mahasiswa tentang bagaimana mereka boleh menyumbang kepada komuniti sosial melalui medium yang betul.